



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 13 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	MAFI SERIUS BENDUNG PENYAKIT HAIWAN TERNAKAN, UM -ONLINE MENTERI TINJAU KELANGSUNGAN RANTAIAN MAKANAN, TERNAKAN DI LAPANGAN, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE MAFI AKTIFKAN SURVELAN UNTUK PEMERIKSAAN TERNAKAN LADANG, BERNAMA.COM -ONLINE MAFI SERIUS BENDUNG PENYAKIT HAIWAN TERNAKAN, UM -ONLINE SSL DAGING LEMBU KINI HANYA 22 PERATUS, UM -ONLINE MAFI ACTIVATES SURVEILLANCE ON FARM LOVESTOCK INSPECTION - RONALD KIANDEE, BERNAMA.COM -ONLINE MAFI SASAR 10 PERATUS PERAIRAN NEGARA DILINDUNGI SEBAGAI KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN, ASTRO AWANI -ONLINE MAFI SASAR 10 PERATUS PERAIRAN NEGARA DILINDUNGI, BH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
9. 10.	LUMBA-LUMBA MATI TERSANGKUT JARING, LOKAL, HM -2 DOLPHINS AND GIANT SHRIMP BACK IN MELAKA WATERS, NATION, SUNDAY STAR -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	SIJIL PERTANIAN, NASIONAL, BH -16	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
12.	BUAH KRISTAL DIJUAL FAMA 'LAKU KERAS', DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13. 14. 15. 16. 17.	SABAH FRUITS TO ENTER WIDER MARKET, HOME, BORNEO POST (KK) -5 MINYAK MASAK MAHAL, CAP BIMBANG HARGA MAKANAN NAIK, UM -ONLINE EKONOMI TERENGGANU BERKEMBANG, TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA, SINAR AHAD -12 GALAK PERTUMBUHAN HAIWAN RUMINAN, XPRESI, METRO AHAD -35 KOS MURAH, TERNAKAN SIHAT, XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

MAFI serius bendung penyakit haiwan ternakan



RONALD KIANDEE

PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berganding bahu bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) untuk membendung penularan penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) yang dilaporkan menjangkiti haiwan ternakan iaitu lembu dan kerbau.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, usaha tersebut adalah untuk mencegah kemasukan virus LSD kepada ternakan hidup.

“Untuk makluman, MAFI melalui DVS telah mengambil tindakan segera mengaktifkan surveilan menerusi DVS negeri serta MAQIS untuk menjalankan pemeriksaan ke atas ternakan di ladang-ladang dan premis kuarantin.

“Menurut beliau, tindakan pengawalan dan pencegahan LSD adalah melalui prosedur operasi standard (SOP) Kawalan Penyakit Berjangkit dan SOP Pengurusan Ternakan di Lapangan,” katanya ketika lawatan kerja ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya, Sabak Bernam, Selangor.

Dalam lawatan itu juga, Ronald meninjau kelangsungan rantai bekalan makanan di lapangan ketika tempoh penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial ataupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang bermula 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021 dan telah dilanjutkan hingga 28 Jun 2021.

Pada masa sama dalam lawatan itu, Ronald mengingatkan penternak untuk mempertingkatkan amalan perladangan yang baik dari aspek biosekuriti, kebersihan ladang, kawalan makhluk perosak, sumber air bersih dan sumber makanan daripada pengilang yang mempunyai pensijilan *Good Manufacturing Practices* (GMP).

“Kawalan, pencegahan, dan pembasmian yang cekap dan bertanggungjawab oleh semua pihak berkepentingan adalah sangat penting bagi memastikan penularan LSD di Malaysia dapat dibendung bagi memastikan pengeluaran ruminan tidak terjejas dan menjamin kelestarian industri ruminan negara.

“Ini juga penting memandangkan Tahap Sara Diri (SSL) daging lembu masih berada pada sekitar 22.3 peratus dan negara masih bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan,” jelasnya.

Dalam pada itu, di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya, Ronald meninjau industri penternakan menerusi projek ternakan lembu fidlot yang diusahakan oleh usahawan Mohamad Rasfanjani Mashugi di Unit Peladang Kampung Tebuk Jawa, di bawah PPK Bernam Jaya yang berjumlah 250 ekor.

Projek ini bermula pada tahun 2020 dilaksanakan secara usahasama antara Pertubuhan Peladang Negeri Selangor (PPNS), PPK Bernam Jaya dan usahawan, Mohamad Rasfanjani.

Pemasaran lembu dilaksanakan oleh PPK Bernam Jaya berjalan lancar setakat ini bagi memenuhi keperluan daging segar di pasaran dan juga untuk keperluan Hari Raya Aidiladha kelak bagi aktiviti korban dan aqiqah. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13.06.2021	MALAYSIA GAZZETE	ONLINE	-

MENTERI TINJAU KELANGSUNGAN RANTAIAN MAKANAN, TERNAKAN DI LAPANGAN



KUALA LUMPUR – Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, mengadakan lawatan kerja ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya, Sabak Bernam Selangor, hari ini.

Lawatan kerja itu bertujuan meninjau kelangsungan rantai bekalan makanan di lapangan ketika tempoh

penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang bermula 1 Jun lalu. Dalam lawatan itu, Dr. Ronald melihat aktiviti sektor ruminan di peringkat ladang susulan penularan penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) yang dilaporkan menjangkiti ternakan lembu dan kerbau.

Menurutnya, kementerian itu menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) telah mengambil tindakan segera mengaktifkan surveilan untuk menjalankan pemeriksaan ke atas ternakan di ladang dan premis kuarantin. Kata beliau, langkah itu bagi mengesan sekiranya terdapat ternakan yang menunjukkan tanda-tanda klinikal LSD.

“Bagi mencegah risiko kemasukan virus LSD menerusi pengimportan ternakan hidup, MAFI melalui PJV juga telah menggantung pengimportan ternakan lembu, kerbau bagi tujuan pembiakan serta penyembelihan dari negara terjangkit seperti Thailand berkuatkuasa pada 7 Jun lalu. “JPV akan terus mengaktifkan program surveilan di lapangan menerusi pemeriksaan fizikal di semua ladang, kandang ternakan di seluruh negara bagi mengesan ternakan terjangkit.

“Tindakan pengawalan dan pencegahan LSD adalah melalui SOP Kawalan Penyakit Berjangkit dan SOP Pengurusan Ternakan di Lapangan,” katanya dalam kenyataan, hari ini. Turut hadir, Timbalan Menteri II MAFI, Datuk Che Abdullah Mat Nawi; Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid; dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Azulita

Salim. Dr. Ronald menunjukkan tembikai wangi yang menjalankan projek tanaman fertigasi oleh usahawan Hafiz Azuddin di Unit Peladang Tebuk Jawa bawah PPK Bernam Jaya.

Dr. Ronald mengingatkan penternak supaya mempertingkatkan amalan perladangan yang baik dari aspek biosekuriti, kebersihan ladang, kawalan makhluk perosak, sumber air bersih dan sumber makanan daripada pengilang yang mempunyai pensijilan Good Manufacturing Practices (GMP). Beliau juga menjelaskan, kawalan, pencegahan dan pembasmian yang cekap serta bertanggungjawab oleh semua pihak berkepentingan sangat penting bagi memastikan penularan LSD di negara ini dapat dibendung, sekali gus menjamin kelestarian industri pengeluaran ruminan negara tidak terjejas.

Tambah beliau lagi, ini juga penting memandangkan Tahap Sara Diri (SSL) daging lembu masih berada pada sekitar 22.3 peratus dan negara masih bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan.

Dalam pada itu, di PPK Bernam Jaya, Dr. Ronald meninjau industri penternakan menerusi projek ternakan lembu fidlot yang diusahakan usahawan Mohamad Rasfanjani Mashugi di Unit Peladang Kampung Tebuk Jawa, di bawah PPK Bernam Jaya yang berjumlah 250 ekor. Projek itu bermula pada 2020, dilaksanakan secara usahasama antara Pertubuhan Peladang Negeri Selangor (PPNS), PPK Bernam Jaya dan Mohamad Rasfanjani.



Menurut beliau, pemasaran lembu yang dilakukan PPK Bernam Jaya berjalan lancar setakat ini bagi memenuhi keperluan daging segar di pasaran dan juga untuk keperluan Hari Raya Aidiladha ini bagi aktiviti korban dan aqiqah. Dalam lawatan yang sama, beliau juga meninjau projek tanaman fertigasi tembikai wangi (Rock Melon) yang diusahakan usahawan Hafiz Azuddin Ariffin di Unit Peladang Tebuk Jawa di bawah PPK Bernam Jaya.

Projek itu berkeluasan 2.5 ekar dengan berkapasiti 13,000 polibeg yang telah dimulakan pada 2017 dan hasil tanaman telah dipasarkan melalui PPK Bernam Jaya. Untuk makluman, PPK

Bernam Jaya ditubuhkan pada April 1984 dan mempunyai ahli seramai 3,761 orang serta 29 Unit Peladang dengan sebuah koperasi.

MAFI mengambil pelbagai pendekatan dan langkah untuk memastikan kelangsungan rantai bekalan makanan sepanjang masa termasuk memastikan kelancaran operasi pengeluaran dan pemasaran di semua PPK di seluruh negara beroperasi mengikut SOP ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Kementerian itu juga mengusahakan pelbagai insentif pengeluaran kepada golongan sasaran untuk meneruskan aktiviti masing-masing dan mengekalkan bekalan makanan. Sehingga 10 Jun lalu, MAFI melalui jabatan dan agensinya secara keseluruhan telah mengeluarkan 88,034 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian tidak formal (informal) termasuk aktiviti rantai pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada petani, penternak, nelayan, pengusaha kecil B40 serta pengusaha mikro asas tani.

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP, LPP telah membuka Bilik Gerakan Crisis Management Centre (CMC) yang beroperasi dari jam 8 pagi hingga 5 petang. Sebarang pertanyaan dan aduan boleh hubungi talian Hotline **LPP** di **03-2610 9614/ 03-2610 9605** atau e-mel ke **info@lpp.gov.my**.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13.06.2021	BERNAMA.COM	ONLINE	-

MAFI AKTIFKAN SURVELAN UNTUK PEMERIKSAAN TERNAKAN LADANG



Gambar ihsan MAFI

SHAH ALAM, 12 Jun -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengambil tindakan segera mengaktifkan surveilan menerusi DVS Negeri serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) untuk

menjalankan pemeriksaan ke atas ternakan di ladang-ladang dan premis kuarantin.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata langkah itu bagi mengesan sekiranya terdapat ternakan yang menunjukkan tanda- tanda klinikal Lumpy Skin Disease atau penyakit kulit kental/berbonjol (LSD).

“Bagi mencegah risiko kemasukan virus LSD menerusi pengimportan ternakan hidup, MAFI melalui DVS juga telah menggantung pengimportan ternakan lembu/kerbau bagi tujuan pembiakan dan penyembelihan dari negara terjangkit seperti Thailand berkuat kuasa pada 7 Jun 2021,” katanya dalam kenyataan hari ini selepas mengadakan lawatan kerja ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya, Sabak Bernam Selangor.

Ronald berkata DVS akan terus mengaktifkan program surveilan di lapangan menerusi pemeriksaan fizikal di semua ladang/kandang ternakan di seluruh negara bagi mengesan ternakan terjangkit.

Beliau berkata tindakan pengawalan dan pencegahan LSD adalah melalui prosedur operasi standard (SOP) Kawalan Penyakit Berjangkit dan SOP Pengurusan Ternakan di Lapangan.

Ronald juga menyarankan penternak agar mempertingkatkan amalan perladangan yang baik dari aspek biosekuriti, kebersihan ladang, kawalan makhluk perosak, sumber air bersih dan sumber makanan daripada pengilang yang mempunyai pensijilann Amalan Pengilangan Baik (GMP).

Kawalan, pencegahan, dan pembasmian yang cekap dan bertanggungjawab oleh semua pihak berkepentingan adalah sangat penting bagi memastikan penularan LSD di Malaysia dapat dibendung bagi memastikan pengeluaran ruminan tidak terjejas dan menjamin kelestarian industri ruminan negara. katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13.06.2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	-

MAFI SERIUS BENDUNG PENYAKIT HAIWAN TERNAKAN



PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berganding bahu bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) untuk membendung penularan penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) yang dilaporkan

menjangkiti haiwan ternakan iaitu lembu dan kerbau.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, usaha tersebut adalah untuk mencegah kemasukan virus LSD kepada ternakan hidup.

“Untuk makluman, MAFI melalui DVS telah mengambil tindakan segera mengaktifkan surveilan menerusi DVS negeri serta MAQIS untuk menjalankan pemeriksaan ke atas ternakan di ladang-ladang dan premis kuarantin. “Menurut beliau, tindakan pengawalan dan pencegahan LSD adalah melalui prosedur operasi standard (SOP) Kawalan Penyakit Berjangkit dan SOP Pengurusan Ternakan di Lapangan,” katanya ketika lawatan kerja ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya, Sabak Bernam, Selangor.

Dalam lawatan itu juga, Ronald meninjau kelangsungan rantai bekalan makanan di lapangan ketika tempoh penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial ataupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang bermula 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021 dan telah dilanjutkan hingga 28 Jun 2021.

Pada masa sama dalam lawatan itu, Ronald mengingatkan penternak untuk mempertingkatkan amalan perladangan yang baik dari aspek biosekuriti, kebersihan ladang,

kawalan makhluk perosak, sumber air bersih dan sumber makanan daripada pengilang yang mempunyai pensijilan *Good Manufacturing Practices* (GMP).

“Kawalan, pencegahan, dan pembasmian yang cekap dan bertanggungjawab oleh semua pihak berkepentingan adalah sangat penting bagi memastikan penularan LSD di Malaysia dapat dibendung bagi memastikan pengeluaran ruminan tidak terjejas dan menjamin kelestarian industri ruminan negara.

“Ini juga penting memandangkan Tahap Sara Diri (SSL) daging lembu masih berada pada sekitar 22.3 peratus dan negara masih bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan,” jelasnya. Dalam pada itu, di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya, Ronald meninjau industri penternakan menerusi projek ternakan lembu fidlot yang diusahakan oleh usahawan Mohamad Rasfanjani Mashugi di Unit Peladang Kampung Tebuk Jawa, di bawah PPK Bernam Jaya yang berjumlah 250 ekor.

Projek ini bermula pada tahun 2020 dilaksanakan secara usahasama antara Pertubuhan Peladang Negeri Selangor (PPNS), PPK Bernam Jaya dan usahawan, Mohamad Rasfanjani.

Pemasaran lembu dilaksanakan oleh PPK Bernam Jaya berjalan lancar setakat ini bagi memenuhi keperluan daging segar di pasaran dan juga untuk keperluan Hari Raya Aidiladha kelak bagi aktiviti korban dan aqiqah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13.06.2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	-

SSL DAGING LEMBU KINI HANYA 22 PERATUS



Ronald Kiandee (kanan) memberi makanan kepada lembu di PPK Bernam Jaya, Sabak Bernam, Selangor hari ini.

SABAK BERNAM – Pengeluaran tempatan daging lembu atau tahap sara diri (SSL) ketika ini masih berada pada sekitar 22.3 peratus dan negara masih

bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan domestik

Justeru kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee adalah perlu ketika ini industri ternakan ruminan terus diperkasa bagi membolehkan pasaran sentiasa ada untuk keperluan pengguna. “Ini bagi memastikan pengeluaran ruminan tidak terjejas dan menjamin kelestarian industri itu di negara ini,” ujarnya hari ini.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan kerja ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya, Sabak Bernam.

Atas matlamat yang sama kementeriannya telah menggantung pengimportan ternakan lembu dan kerbau dari Thailand berkuatkuasa Isnin lalu selepas haiwan bagi tujuan pembiakan dan penyembelihan dari negara berkenaan didapati dijangki *Lumpy Skin Disease* (LSD).

Langkah tersebut kata beliau ini bagi mencegah risiko kemasukan virus LSD menerusi pengimportan ternakan hidup.

“Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan terus mengaktifkan program surveilan di lapangan menerusi pemeriksaan fizikal di semua ladang dan kandang ternakan di seluruh negara bagi mengesan ternakan terjangkit LSD,” katanya.

Ronald memberitahu, tindakan pengawalan dan pencegahan LSD adalah melalui prosedur operasi standard (SOP) Kawalan Penyakit Berjangkit dan SOP Pengurusan Ternakan di Lapangan.

Beliau turut mengingatkan penternak supaya mempertingkatkan Amalan Perladangan Baik (GAP) dari aspek biosekuriti, kebersihan ladang, kawalan makhluk perosak, sumber air bersih dan sumber makanan daripada pengilang yang mempunyai pensijilan Amalan Pengilangan Baik (GMP).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13.06.2021	BERNAMA.COM	ONLINE	-

MAFI ACTIVATES SURVEILLANCE ON FARM LIVESTOCK INSPECTION - RONALD KIANDEE



SHAH ALAM, June 12 -- The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) through the Department of Veterinary Services (DVS) has activated surveillance through state DVS as well as the Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS) to carry out inspection on livestock in farms and quarantine premises.

Its minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the measure was to detect if any livestock is showing clinical symptoms of Lumpy Skin Disease (LSD).

“To prevent the entry of LSD virus through the import of live animals, MAFI through DVS has also suspended the import of cattle, buffaloes for breeding and slaughter from infected countries such as Thailand, effective June 7 2021,” he said in a statement today after visiting the Bernam Jaya Area Farmers’ Organisation, in Sabak Bernam, Selangor.

Ronald said DVS would continue to activate the surveillance programme in the field through physical examination at all livestock farms throughout country to detect infected animals.

According to him, the control and prevention of LSD is through the infectious disease control standard operating procedures and livestock management SOP in the field.

Ronald also urged breeders to improve farm best practice in terms of biosecurity, farm cleanliness, pest control, clean source of water and feed from manufacturers with Good Manufacturing Practice (GMP) certificates.

He also said efficient control, prevention and eradication and being responsible by all stakeholders is crucial to ensure the spread of LSD in Malaysia is contained and the production of ruminant output is not affected and to ensure the sustainability of the ruminant industry in the country.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

MAFI sasar 10 peratus perairan negara dilindungi sebagai Kawasan Perlindungan Marin



Malaysia merupakan antara 17 negara di dunia yang disenaraikan sebagai Negara Biodiversiti Mega. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited memastikan 10 peratus perairan negara dilindungi sebagai Kawasan Perlindungan Marin atau melalui kaedah-kaedah pengurusan kawasan yang berkesan menjelang 2030.

Sasaran itu yang bersempena dengan Hari Laut Sedunia dan Hari Segitiga Terumbu Karang adalah selaras dengan obligasi di bawah Matlamat Pembangunan Lestari, Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025.

Menurut MAFI dalam kenyataan pada Sabtu, komitmen tersebut juga selaras dengan kriteria penilaian di bawah Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) yang sehingga kini hanya 5.3 peratus perairan negara dilindungi serta sebahagian besar Kawasan Perlindungan Marin terletak di perairan Sabah dan Sarawak.

"Bagi mencapai sasaran ini, kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mengenal pasti beberapa kawasan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai Taman Laut.

"Bagi memperoleh sokongan pihak berkepentingan, Jabatan Perikanan Malaysia melaksanakan sesi-sesi konsultasi bersama penduduk setempat, agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan," katanya.

Menurut MAFI, bagi mengimbangi pembangunan dan teknologi terkini, program-program pengurusan sumber marin akan dipertingkat serta mengekal dan menambah baik Kawasan Perlindungan Marin sedia ada bagi memastikan Malaysia kekal relevan sebagai negara maju serta seimbang dalam pembangunan dan alam sekitar.

Sehubungan itu, MAFI menyeru kerajaan-kerajaan negeri berganding bahu dengan kerajaan persekutuan untuk merealisasikan sasaran tersebut.

"Pada kesempatan ini, kementerian ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Johor yang telah meluluskan pewartaan Taman Laut baharu di perairan Mersing iaitu Kepulauan Lima dengan keluasan 299 km persegi," katanya.

Menurut MAFI, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM70 juta pada tahun ini sebagai insentif melalui instrumen "Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation" (EFT) bagi menyokong pelaksanaan program serta projek pemuliharaan biodiversiti.

Katanya, ia juga bagi menggalakkan pewartaan lebih banyak kawasan perlindungan oleh kerajaan negeri.

Selain itu, MAFI memaklumkan industri perikanan negara menyumbang RM13.84 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2020 dengan perkhidmatan ekosistem marin di taman-taman laut pula dianggarkan menyumbang sebanyak RM8.7 bilion setahun.

Hari Laut Sedunia dipersetujui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk disambut pada 8 Jun setiap tahun, manakala negara-negara di bawah Inisiatif Segitiga Terumbu Karang pula menetapkan 9 Jun sebagai Hari Segitiga Terumbu Karang.

Menurut MAFI, Malaysia merupakan antara 17 negara di dunia yang disenaraikan sebagai Negara Biodiversiti Mega dan terletak dalam lingkungan perairan segitiga terumbu karang atas kepelbagaian biologi yang tinggi.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI sasar 10 peratus perairan negara dilindungi



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited memastikan 10 peratus perairan negara dilindungi sebagai Kawasan Perlindungan Marin melalui kaedah pengurusan kawasan berkesan menjelang 2030.

Sasaran itu sempena Hari Laut Sedunia dan Hari Segitiga Terumbu Karang, selaras dengan obligasi di bawah Matlamat Pembangunan Lestari, Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025.

MAFI dalam kenyataan hari ini, berkata komitmen itu juga selaras kriteria penilaian di bawah Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) yang sehingga kini hanya 5.3 peratus perairan negara dilindungi dengan sebahagian besar Kawasan Perlindungan Marin terletak di perairan Sabah dan Sarawak.

"Bagi mencapai sasaran ini, kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia mengenal pasti beberapa kawasan berpotensi diwartakan sebagai Taman Laut.

"Bagi memperoleh sokongan pihak berkepentingan, Jabatan Perikanan Malaysia melaksanakan sesi konsultasi bersama penduduk setempat, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) ," katanya.

Katanya, bagi mengimbangi pembangunan dan teknologi terkini, program pengurusan sumber marin akan dipertingkat serta mengekal dan menambah baik Kawasan Perlindungan Marin sedia ada bagi memastikan Malaysia kekal relevan sebagai negara maju serta seimbang dalam pembangunan dan alam sekitar.

Sehubungan itu, MAFI meminta kerajaan negeri berganding bahu merealisasikan sasaran berkenaan.

"MAFI mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Kerajaan Johor yang meluluskan pewartaan Taman Laut baharu di perairan Mersing iaitu Kepulauan Lima dengan keluasan 299 kilometer persegi," katanya.

Katanya, Kementerian Kewangan meluluskan peruntukan RM70 juta pada tahun ini sebagai insentif melalui instrumen 'Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT)' bagi menyokong pelaksanaan program dan projek pemuliharaan biodiversiti.

Ia juga bagi menggalakkan pewartaan lebih banyak kawasan perlindungan oleh kerajaan negeri.

Selain itu, MAFI berkata, industri perikanan negara menyumbang RM13.84 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2020 dengan perkhidmatan ekosistem marin di Taman Laut pula dianggarkan menyumbang RM8.7 bilion setahun.

Hari Laut Sedunia dipersetujui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) disambut pada 8 Jun setiap tahun, manakala negara di bawah Inisiatif Segitiga Terumbu Karang pula menetapkan 9 Jun sebagai Hari Segitiga Terumbu Karang.

"Malaysia antara 17 negara di dunia disenaraikan sebagai Negara Biodiversiti Mega dan terletak dalam lingkungan perairan segitiga terumbu karang atas kepelbagaian biologi yang tinggi," katanya.
– BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	2



Seekor ikan lumba-lumba yang ditangkap oleh pihak Kampong Puteri Rombang, Pantai Puteri, Tanjung Kling, Melaka.

Lumba-lumba mati tersangkut jaring

Melaka: Seekor ikan lumba-lumba yang dijumpai terdampar di Kampong Pantai Rombang, Pantai Puteri, Tanjung Kling, dekat sini, pada petang kelmarin dipercayai mati akibat tersangkut pada jaring.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Mohd Fauzi Soheon berkata, siasatan pegawai jabatan itu petang semalam mendapati ada kesan kecederaan pada kepala ikan itu yang dipercayai akibat terkena jaring atau pukulan layan.

Katanya, ikan lumba-lumba

spesies *Sousa chinensis* itu lebih dikenali dalam kalangan pengkaji sebagai *Indo-Pacific humpback dolphin*.

"Siasatan mengesahkan ikan itu berusia kira-kira 15 tahun dengan berat 250 kilogram dan panjang 2.55 meter serta ada kesan kecederaan pada kepalanya, besar kemungkinan tersangkut pada jaring.

"Selat Melaka adalah laluan atau perairan populasi ikan lumba-lumba dan lazimnya ia berenang dalam kumpulan antara lima hingga 20 ekor," katanya ketika dihubungi, se-

malam.

Beliau berkata, spesies itu boleh dikesan dalam jarak lima batu nautika dari pantai dan mempunyai jangka hayat 30 tahun.

"Spesies berkenaan dilindungi mengikut Akta Perikanan 1985 dan sesiapa yang menangkapiya boleh dikenakan tindakan mengikut akta berkenaan.

"Jabatan ini amat berharap orang ramai, terutama nelayan mampu memberikan kerjasama dalam usaha melindungi spesies itu daripada pupus," katanya.

Beliau berkata, bangkai ikan itu ditanam di lokasi yang dirahsiakan bagi mengelakkan pihak tertentu mencuba mengambil organ dalamnya.

Dalam kejadian jam 4 petang itu, ikan itu dijumpai dua nelayan, Muhammad Saiful Safuan Mad Aris, 25, dan Rahmad Khamsis, 37, ketika menolak perahu turun ke laut.

Mereka menarik bangkai ikan itu jauh dari gigi pantai bagi mengelakkannya diha-nyutkan ombak dan arus deras.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2021	SUNDAY STAR	NATION	10

Dolphins and giant shrimp back in Melaka waters

By RSN MURALI
murali@thestar.com.my

MELAKA: Dolphins and giant marine shrimp have been spotted here after having gone missing for about 40 years, says state agriculture, agro-based, entrepreneur development and cooperative committee chairman Datuk Norhizam Hassan Baktee.

"Fishermen have spotted dolphins on Thursday. We must look into saving our marine ecosystem by not approving anymore reclamation works," he said.

Norhizam said water pollution had reduced during the lockdown, adding that this could also have prompted the dolphins to return.

"The sighting of medium-sized Indo-Pacific humpback dolphins is extremely rare," he added.

However, he said one of the dolphins was found dead at Pantai Puteri on Friday.

Norhizam also said the state Fisheries Department estimated the 250kg dolphin was 15 years old.

As for the giant shrimp, an activist from the Portuguese community said the earnings of local fishermen had doubled since the giant shrimp returned.

Chairman of the Save The Portuguese Action Committee chairman Martin Theseira said these shrimp were highly sought after and middlemen were willing to pay a good price.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

SESI KEMASUKAN

TAHUN 2021



TAWARAN UNTUK MENGIKUTI PROGRAM **SIJIL PERTANIAN** DI INSTITUT PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA

PENTING

PERMOHONAN SECARA ATAS TALIAN
BOLEH DIBUAT MELALUI PAUTAN:

www.portal.doa.gov.my/agris/ipsm.php

Permohonan
secara online
dibuka mulai
1 Jun 2021
hingga
30 Jun 2021

SYARAT KELAYAKAN MASUK

- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 25 tahun
- Berkelulusan SPM atau SPMV / Setaraf
 - Lulus Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan
 - Lulus Matematik / Matematik Tambahan dan
 - Kepujian dalam salah satu matapelajaran yang ditetapkan.
(sila rujuk laman web untuk senarai lengkap)

Maklumat Lanjut, Sila Hubungi:

Seksyen Latihan Teknikal Dan Vokasional,
Bahagian Pembangunan Modal Insan,
Jabatan Pertanian Malaysia.

☎ : 03 - 8870 3035 / 3228 / 3238

🖨 : 03 - 8888 8475

✉ : sltv@doa.gov.my



www.doa.gov.my

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Buah kristal dijual FAMA 'laku keras'

PUTRAJAYA: Meskipun tiada promosi secara besar-besaran dibuat, buah kristal yang julung kali dijual Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) laris dibeli oleh penggemarnya.

Jurucakap agensi itu ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* memaklumkan, populariti buah itu yang dibawakan khas dari Sarawak ternyata mendapat sambutan di luar dugaan mereka.

"Sejak awal subuh sebelum dibuka pukul 8 pagi, Pusat Operasi FAMA di Selayang, Selangor sudah diserbu pelanggan yang tidak mahu ketinggalan menikmati buah unik ini," katanya.

Reaksi luar biasa itu ujarnya, turut dibantu dengan laporan *Utusan Online* sehari sebelum aktiviti penjualan semalam termasuk di Pasar Tani Borong Selayang dekat sini.

Ramai pelanggan layang dapat dilapor kan sanggup menghubungi ibu pejabat FAMA bagi menempah awal buah tersebut sebelum penjualan sebenar walaupun harga ditawarkan RM18 sekilogram.



PETUGAS FAMA menunjukkan buah kristal yang mendapat sambutan hangat ketika dijual di tiga premis agensi itu semalam. - GAMBAR IHSAN FAMA

Kedadaan itu mengakibatkan pada pukul 2 petang ekoran stok bekalan untuk dihantar ke My-Farm Outlet FAMA di Presint 7, kehabisan lebih awal.

"Alhamdulillah, memang laku 'keras' dan kami mohon di sini terpaksa dilewatkan ke-

maaf jika ada pengunjung tidak dapat beli tetapi insya-Allah bakal dibawa lagi," kata jurucakap FAMA itu.

Buah kristal yang turut dikenali sebagai matao dianggap buah kebanggaan negeri Bumi Kenyalang itu seperti Perlis dengan imej mangga harumanis dan menjadi ikon makanan terkenal Sarawak seumpama mi kolok atau kek lapis.

Keunikan buah itu yang juga disebut kasai serta amat digemari di Indonesia, turut diberikan gelaran sebagai buah tiga rasa kerana memiliki gabungan rasa durian, laici dan rambutan.

Pokok buah ini atau nama saintifiknya, *Pometia pinnata*, banyak tumbuh liar di tepi sungai di rantau Asia Tenggara dan Asia Pasifik dengan ketinggian yang boleh mencecah 30 meter.

Pakar, nutrisi menyarankan buah kristal elok dimakan kerana mengandungi 11 khasiat antaranya vitamin A dan E yang mencegah penuaan sel selain meningkatkan aliran darah serta kulit menjadi cerah.

Headline	Sabah fruits to enter wider market		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	13 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	360 cm ²
Journalist	By Fiqah Roslan	AdValue	RM 2,007
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,022



Sabah fruits to enter wider market

By Fiqah Roslan

KOTA KINABALU: Sabah tarap, pomelo and avocado are set to enter a wider market with airasia farm.

Following the success of the Harumanis mango campaign, airasia farm looks to market more fruits from Sabah, in particular, to West Malaysia and other Asian countries in the near future.

airasia farm Chief Executive Officer Joanna Ibrahim said the e-commerce platform, which adopts the business-to-business (B2B) approach and eliminates middlemen, aims to open up the market in West Malaysia for Sabahan farmers, fishermen and producers.

"We want to create product awareness of Sabahan produce by integrating products from Sabah in the West Malaysian market, hyping it up and exporting it out, in the long run."

"We are currently in discussion with potential buyers from China and we're trying to close that deal, so that Sabahan produce can penetrate an even wider market," she said.

By opening up new markets they would otherwise be unable to penetrate, Sabahan producers



JOANNA IBRAHIM

can expect an increase in sales, said Joanna.

Presently, airasia farm markets dried anchovies and prawns from Sabah, with pomelo from Tenom and tarap and avocado from various parts of Sabah joining the mix. A lot of focus is put on bringing Sabahan produce out of the state to create product awareness in wider markets, said Joanna, particularly with products unique to the state such as the tarap.

"We have a team on the ground (in Sabah) continually giving feedback of produce available in the state and we evaluate the market for suitability."

"With the tarap, for example, some of us discovered it the



airasia farm (Sabah) General Manager Murain Shunmuganathan (left) at a Harumanis farm in Perlis.

first time we were in Sabah and we were very curious about it, wondering why people in West Malaysia don't know it exists. So we want to let them know what Sabah has to offer," she said.

The Harumanis mango was the first attempt by airasia farm

in marketing fruit and they were encouraged by the overwhelming response. Joanna said demand exceeded supply and they were still receiving orders, even towards the end of the fruit season.

airasia farm exceeded its target

Headline	Sabah fruits to enter wider market		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	13 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	360 cm ²
Journalist	By Fiqah Roslan	AdValue	RM 2,007
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,022

of marketing 10 tonnes of the fruit, Joanna added, with 40 per cent of orders coming from Sabah.

In addition to Sabahan fruit, she said seafood from Sabah also held huge potential, especially in the China market. As of now, approximately 25 Sabahan producers are on board, supplying tarap, pomelo, avocado, dried anchovies and dried prawns, with around 150 Sabahan farmers and suppliers in general.

The move to market more produce from Sabah will not only benefit local producers but an entire ecosystem of workers, said Joanna. This move is expected to create more jobs along the entire supply chain.

"Plans to set up a number of warehouses in Sabah are in the pipeline, and there will be a whole bunch of operations within the warehouse itself, which will require personnel.

"There will be job opportunities along the entire supply chain, from producing to packing and logistics. We need people everywhere to help us.

"With the Harumanis project, for example, we hired more people to work in logistics, event promotion and even retail. Direct and indirect job opportunities

will definitely be available," she said.

The successful marketing and distribution of the Harumanis mango, as well as for future products, rest in collaborative efforts between not only airasia farm and local producers, but also support from government agencies.

Joanna acknowledged the roles of the Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI), Department of Agriculture (DoA) and Federal Agriculture Marketing Authority (FAMA) in making the Harumanis project a success, adding that she hoped to garner their continued support in marketing more Sabahan produce.

"Our partners in supplying and distributing the Harumanis mango in retail outlets similarly contributed to the success of the project, especially in helping us maintain the price of the mangoes and avoid high mark-ups so that everyone could enjoy it.

"Working closely with these government agencies made the Harumanis effort a success. Massive collaboration across agencies, both governmental and non-governmental, will be something we want to copy moving forward," she said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Minyak masak mahal, CAP bimbang harga makanan naik



KENAIKAN harga minyak masak di pasaran ketika ini dibimbangi dijadikan alasan oleh peniaga untuk menaikkan harga makanan sekali gus menambah beban pengguna. - GAMBAR HIASAN

GEORGETOWN: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) bimbang kenaikan harga minyak masak botol lima kilogram (kg) yang berlaku ketika ini akan dijadikan alasan oleh peniaga makanan untuk menaikkan harga secara mendadak.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, pihaknya kluatir sekiranya harga minyak masak tidak dikawal oleh kerajaan akan membebaskan pengguna yang kini sudah sedia terbebaskan ekoran pandemik Covid-19.



MOHIDEEN ABDUL KADER

Menurutnya, hasil tinjauan CAP di beberapa pasar raya besar dan kedai runcit di sini mendapati harga minyak masak botol bersaiz lima kilogram masih kekal tinggi iaitu lebih RM5 berbanding sebelum ini, malah ada dijual sehingga RM34.50.

“Dalam keadaan sekarang, pengguna sangat terbebaskan dengan kos sara hidup tinggi termasuk ramai kehilangan pendapatan ekoran wabak tersebut.

“Minyak masak adalah barangan keperluan harian dan CAP meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mencari kaedah agar kenaikan harga minyak masak dapat dibendung,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini semalam.

Baru-baru ini media melaporkan rungutan pengguna terutama golongan peniaga apabila harga minyak masak lima kilogram mengalami peningkatan mendadak antara RM33 sehingga RM35 sebotol bergantung kepada jenama sejak bulan lalu.

Rata-rata mereka menyifatkan kenaikan harga antara RM4 hingga RM7 itu membebaskan pengguna terutamanya mereka yang mengusahakan perniagaan menjual makanan. – UTUSAN ONLINE

Ekonomi Terengganu berkembang

Data buktikan kerajaan negeri mampu capai lebih banyak kejayaan

Kemajuan Terengganu dalam aspek ekonomi melibatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), guna tenaga dan peluang pekerjaan memperlihatkan perkembangan yang sangat positif. Pensyarah bidang ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Nur Azura Sanusi berkata, antara perubahan yang boleh dibanggakan adalah kenaikan pendapatan per populasi dan KDNK per kapita kepada RM30,933 pada tahun 2019 berbanding RM29,347 pada tahun 2017.

Menurutnya, pelaburan juga menunjukkan perkembangan yang sangat baik apabila merekodkan RM1.9 bilion pada 2019 berbanding RM0.073 bilion pada 2017.

"Menurut statistik daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga suku tahun pertama 2020, kadar inflasi turut mencatatkan penurunan kepada 1.3 peratus berbanding 3.1 peratus pada 2017.

"Walaupun dalam krisis pandemik Covid-19 pada awal tahun lepas, kadar peratus pengangguran menunjukkan petanda baik dengan pengurangan kepada 4.1 peratus pada tahun 2020 (suku tahun pertama) daripada 4.5 peratus pada tahun 2017.

"Di samping itu, bilangan orang bekerja di Terengganu turut meningkat kepada 465,000 pada 2020 berbanding 438,300 pada 2017," katanya.

Mengulas tentang manifesto kerajaan negeri untuk menyediakan 20,000 peluang pekerjaan dalam tempoh satu penggal pemerintahan, beliau mendapati peratusan kemajuan sasaran itu kini melepasi 52.34 peratus.

Katanya, sehingga April tahun ini, 10,467 anak Terengganu telah



NUR AZURA SANUSI

mendapat penempatan pekerjaan di dalam negeri, iaitu satu pencapaian memberangsangkan terutamanya dalam tempoh tiga tahun, malah masih ada lagi masa untuk memenuhi sasaran tersebut.

Tambahnya, industri pelancongan negeri turut mencatatkan pertumbuhan positif dengan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negeri daripada RM4.65 bilion pada tahun 2017 kepada RM5.08 pada tahun 2019.

"Ini termasuk hasil kedatangan pelancong ke Terengganu yang meningkat secara mendadak iaitu kenaikan 168 peratus selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0," jelasnya.

Melihat kepada perkembangan positif ini, Nur Azura menjelaskan, Terengganu berpotensi untuk mencapai lebih banyak kejayaan di masa depan.

Namun katanya, ia bergantung kepada apa yang dirancang ketika ini bermula dengan Belanjawan 2021 dan perancangan jangka masa panjang seperti Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) 2030.

"Contohnya seperti tahun pertanian 2021, peruntukan negeri iaitu sebanyak RM20 juta membolehkan usaha lebih giat meliputi pembangunan tanah, infrastruktur, peralatan, bantuan modal dan sebagainya.



Bidang penternakan menunjukkan prestasi memberangsangkan.



Industri makanan ringan khususnya keropok salah satu ikon industri makanan negeri Terengganu.

"Dengan penambahan ketara pengeluaran pertanian negeri seperti kenaf, getah, padi dan minyak sawit mentah, sektor tersebut bukan sahaja menjana ekonomi malah meningkatkan jaminan keselamatan makanan, suatu usaha disokong kerajaan persekutuan.

"Walaupun tidak sebesar industri petroleum, namun sektor pertanian dan pelancongan mampu memberi sumbangan yang boleh meningkatkan KDNK negeri," jelasnya.



Industri pertanian kenaf menyumbang kepada 1,141.9 tan metrik pada 2019.



Anak Terengganu diberi keutamaan penempatan pekerjaan dalam negeri.

PENGELUARAN PERTANIAN NEGERI TERENGGANU

Getah	
2017 : 7,152 (tan metrik)	2019 : 23,796 (tan metrik)
Padi	
2017 : 60,319 (tan metrik)	2019 : 71,380 (tan metrik)
Minyak Sawit Mentah	
2017 : 494,731 (tan metrik)	2019 : 556,230 (tan metrik)
Kenaf	
2017 : 830.2 (tan metrik)	2019 : 1,141.9 (tan metrik)

PERATUS SUMBANGAN KEPADA KDNK (HARGA MALAI) MENGIKUT JENIS AKTIVITI



PERTANIAN

2017	2019
RM2.8 bilion	RM3.0 bilion

AGRO

Oleh Nor Aina Alias
rencana@metro.com.my

Penternakan antara industri terpenting dalam negara khususnya dalam membekalkan sumber makanan melalui ternakan haiwan ruminan seperti kambing dan lembu.

Haiwan ini digunakan untuk bekalan daging mentah, produk tenusu mahupun keperluan lain dalam industri makanan.

Oleh itu, kesihatan dan pertumbuhan yang baik perlu dipastikan bagi membolehkan ternakan mampu memenuhi keperluan semasa yang ketika ini masih bergantung kepada bekalan import luar negara.

Melihat keperluan itu, sekumpulan penyelidik dan pelajar daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) diketuai Teknologis Profesional (TS), Nor Dini Rusli mencipta inovasi makanan tambahan kepada haiwan ruminan bernama CapriBos Multinutrient Blok.

Nor Dini berkata, nama CapriBos diambil sempena nama Caprine yang bermaksud subfamily biri-biri dan kambing manakala Bos bermaksud genus lembu liar serta domestik (tempatan).

Katanya, makanan tambahan haiwan ruminan itu dicipta dalam bentuk blok (segi empat) dengan multinutrien lengkap menggantikan blok garam dengan membekalkan tenaga, protein atau nitrogen bukan protein

GALAK PERTUMBUHAN HAIWAN RUMINAN

Inovasi makanan tambahan diberi dalam bentuk jilatan dicipta sekumpulan penyelidik, pelajar UMK



SEBAHAGIAN penyelidik dan pelajar UMK yang menghasilkan CapriBos Multinutrient Blok.



MAKANAN tambahan ruminan haiwan ini dihasilkan dalam bentuk blok segi empat dengan kaedah jilatan kepada haiwan seperti lembu dan kambing menggantikan blok garam mineral.

(NPN), kalsium, ferum, zink, fosforus, tembaga dan vitamin kepada haiwan ruminan.

"Di Malaysia kebanyakan penternak menggunakan blok mineral (garam) komersial sebagai tambahan kepada haiwan ruminan mereka, tetapi amalan ini bertujuan meningkatkan selera makan haiwan sahaja.

"Bukan untuk mengatasi kekurangan protein dan tenaga, malah pendekatan ini dianggap tidak menjimatkan

kos kerana sebahagian besar blok garam di pasaran adalah diimport," katanya.

Bellau berkata, sedangkan dalam konteks industri ternakan di Malaysia, diketahui bahawa haiwan ruminan tempatan lambat dalam pertumbuhan dan pembiakan.

Katanya, ini berlaku kerana kualiti makanan dan pemakanan haiwan ruminan tempatan adalah rendah sehingga menyebabkan populasi haiwan ruminan dalam negara menurun sebanyak tiga peratus dari 2012 hingga 2016.

Katanya, bermula 2015 hingga 2018, UMK menerusi Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) Kampus Jeli melahirkan idea mencipta makanan tambahan itu bagi menggalakkan pertumbuhan dan kesihatan haiwan ruminan.

"CapriBos Multinutrient Blok ini bukan saja membekalkan pelbagai nutrisi, tetapi mampu mencegah wabak penyakit haiwan ternakan seperti serangan parasit dan cacing," katanya.

Nor Dini berkata, makanan tambahan ini diberi dalam bentuk jilatan dan boleh diberikan kepada semua ruminan seperti lembu, kambing atau biri-biri kecuali bagi yang berumur bawah lima bulan.



PRODUK CapriBos Multinutrient Blok secara kaedah jilatan mampu meningkatkan pertumbuhan haiwan ruminan seperti lembu dan kambing.



PROJEK menghasilkan CapriBos Multinutrient Blok diketuai Nor Dini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2021	METRO AHAD	XPRESI	36

KOS MURAH, TERNAKAN SIHAT

DARI MUKA 35

CapriBos dipasarkan ke serata negara melalui platform jualan dalam talian

Katanya, penggunaan makanan tambahan ini juga dapat mengelakkan ternakan memakan bahan asing seperti tanah, batu, tulang, beg plastik, pakaian atau sebagainya.

Nor Dini berkata, projek inovasi itu dilaksanakan bersama TS Dr Khairiyah Mat, TS Dr Hasnita Che Harun, Dr Syed Al-Amsyar, Mohd Mahmud dan tiga pelajar FIAT di bawah geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Yayasan Muhibbah Tan Sri Fng Ah Seng daripada syarikat industri, kumpulan Epic Valley Holding berjumlah RM212,800.

Kata beliau, selepas menggunakan CapriBos kepada ternakan mereka, penternak mendapati peningkatan pengeluaran



NOR Dini (kiri) mewakili penyelidik dan petojar UMK yang menghasilkan CapriBos Multinutrient Blok menerima pelbagai anugerah.

susu kambing dan lerabu, pertumbuhan lebih cepat, mengurangkan kos ubatan ternakan kerana haiwan menjadi lebih sihat dan mengurangkan penyakit parasit sehingga 31 peratus.

"CapriBos Multinutrient Blok dihasilkan daripada bahan makanan tempatan, jadi kosnya lebih murah,

ternakan lebih sihat dan ini meningkatkan prestasi ruminan sebagai bekalan makanan negara," katanya.

Hasil kejayaan itu juga, produk ciptaan UMK ini terpilih mewakili Universiti ke Seoul International Invention Fair 2019 dan memenangi beberapa anugerah seperti Anugerah Emas di

The 11th Creation, Innovation, Technology And Research Exposition (CITREX) 2021, Anugerah Emas International Conference and Exposition on Inventions (PECIPTA) 2019, Anugerah Perak di Majlis Anugerah Penyelidikan dan Inovasi 2018 UMK, Anugerah Gangsa di Asia Pacific Conference on Food Security (ARCOFS) 2018 Best Innovation Category dan banyak lagi.

Katanya, kini CapriBos sudah dipasarkan ke serata negara melalui platform jualan dalam talian dan kerjasama pihak industri dan pengusaha ruminan seperti Bumi Agritech Sdn Bhd, Koperasi Veterinar Berhad, Urban Agro Yields Sdn Bhd dan Yusof Eco Farm.



MAKANAN tambahan haiwan ruminan yang dicipta penyelidik dan petojar UMK harumkan nama negara.



RISALAH berkenaan projek penyelidik dan petojar UMK yang menghasilkan CapriBos Multinutrient Blok.



NOR Dini (empat dari kanan) mewakili penyelidik dan petojar UMK yang terlibat dengan penghasilan CapriBos Multinutrient Blok menerima Anugerah Emas International Conference and Exposition on Inventions (PECIPTA) 2019.

Ramal yang menanam pokok cili di rumah kerana ia dikatakan antara tanaman yang mudah dijaga.

Namun, tahukah anda pokok cili juga sebenarnya antara tanaman yang mudah diserang penyakit.



SERANGAN penyakit bukan saja menjejaskan pengeluaran dan kualiti hasil tanaman malah jika tidak dirawat boleh memusnahkan pokok.

Elak tanam cili di kawasan redup

Serangan penyakit bukan saja menjejaskan pengeluaran dan kualiti hasil tanaman malah jika tidak dirawat boleh menyebabkan

pokok mati. Bagi yang ingin mencuba menanam pokok cili di rumah, terdapat beberapa petua yang boleh dijadikan panduan.

Antaranya, pilih tempat yang mendapat pencahayaan baik kerana jika ditanam di tempat redup ia menyebabkan pokok tumbuh tinggi manakala buahnya bersaiz kecil.

Selain itu, pokok cili juga boleh ditanam terus di dalam pasu dengan campuran tanah kuning, topsoil dan pasir.

Jika menggunakan polibag pula, ia perlu ditanam menggunakan

sistem fertigasi.

Andai memilih untuk menanam pokok cili di atas tanah, pastikan ia disiram dua kali sehari iaitu pagi dan petang.

Tanah itu juga perlu digembur dan dirawat menggunakan kapur sebelum menabur baja tahi ayam.

Ini kerana masalah tanaman cili adalah ia mudah diserang serangga bawaan tanah.

Sementara itu, jika mahu memindahkan anak pokok cili yang disemai, pastikan anda melakukannya ketika cuaca tidak panas atau pada sebelah petang.



POKOK cili boleh ditanam terus di dalam pasu dengan campuran tanah kuning, topsoil dan pasir.